

Kerajaan Perpaduan difitnah tinggalkan Islam - Anwar

Oleh **ZAID MOHD. MOOR**
zaid.noor@mediarnulia.com.my

KUALA NERUS: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, terdapat gerakan untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan dengan menyebarkan fitnah bahawa pemimpinnya meninggalkan Islam.

Sedangkan kata Perdana Menteri, kerajaan pimpinannya berusaha keras untuk membanteras penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah selain menjaga kepentingan Islam, Melayu serta Bumiputera.

"Kerajaan Perpaduan yang saya pimpin tidak izinkan orang curi duit, tidak izinkan hukum orang sewenang-wenang, masih tetap Islam, jaga kepentingan Melayu dan Bumiputera.

"Jadi tidak adil fitnah kita tinggalkan Islam dan agama dan kelompok tertentu saja jaga Islam dan agama," katanya ketika berucap dalam Majlis



ANWAR Ibrahim bersama usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam Majlis Perasmian Karnival Sahabat Usahawan Madani AIM Wilayah Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Perasmian Karnival Sahabat Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Wilayah Timur di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar

berkata, Kerajaan Perpaduan meletak harapan tinggi kepada sahabat AIM menjaga badan tersebut untuk memperbaiki taraf hidup rakyat.

Sehubungan itu, beliau mengharapkan penduduk di Terengganu memberi sokongan kepada wakil kerajaan untuk menyalurkan bantuan.